



جامعة السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

News



[COMMUNITY](#)

44 guru bimbingan dan kaunseling sertai Program Profesor Turun Padang Kursus Penggunaan Teknologi Biofeedback

28 June 2024

GAMBANG, 26 Jun 2024 – Seramai 44 orang guru bimbingan dan kaunseling seluruh negeri Pahang telah menyertai Program Profesor Turun Padang Kursus Penggunaan Teknologi Biofeedback yang dikendalikan oleh Profesor Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Profesor Ts. Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab.

Program itu dianjurkan oleh PSK UMPSA, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) Negeri Pahang.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dekan PSK, Dr. Mohamad Hilmi Mat Said.

Profesor Ts. Dr. Muhammad Nubli telah berkongsi tentang hasil penyelidikannya iaitu Teknologi Biofeedback yang digunakan untuk mengukur status perubahan diri individu.

Ia berupaya mengukur perubahan komponen psikologi melalui rangsangan fisiologi.

Program sehari itu dibahagikan kepada dua topik iaitu Asas Teknik Biofeedback dalam Program Perubahan Diri Murid dan Amali Teknik Biofeedback dalam sesi bimbingan murid.

Menurutnya, Bio Maklum Balas (Biofeedback) boleh diklasifikasikan sebagai teknik penggunaan alat yang boleh memberi maklumat secara langsung dan tepat tentang perubahan fungsi fisiologi yang dikawal sepenuhnya oleh sistem saraf.



“Melalui penggunaan alat yang sesuai, maklumat tentang fungsi fisiologi tertentu dapat dipantau dengan mudah dan tepat.

Misalnya, dengan berbantuan alat penderia seperti plethysmograph (PPG), ia boleh memberi ruang kepada para pengkaji untuk lebih memahami perubahan dalam kadar kebolehubahan jantung atau heart rate variability (HRV) yang sememangnya sukar untuk difahami melalui pemerhatian menggunakan mata kasar sahaja.

“Ringkasnya, Bio Maklum Balas ialah teknik untuk merangsang dan meningkatkan kesedaran kendiri serta pengawalan minda, hati serta emosi berbantuan alat penderia elektronik yang boleh menterjemah isyarat fisiologi badan.

“Sebagai sebuah universiti yang berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET), teknologi ini dapat membantu memperkuuh pendidikan lestari dan menyokong pembangunan pendidikan yang mampan.

“Diharapkan, teknologi ini dapat membantu semua guru-guru dalam membantu program bimbingan dan kaunseling sekolah-sekolah di negeri Pahang,” katanya.



Disediakan oleh: Nor Salwana Mohamad Idris, Pusat Komunikasi Korporat